

# **BAB**

# **KETIGA**

## BAB KETIGA

### **BIOGRAFI DATO' YUSOFF ZAKY HAJI YACOB**

#### **3.1 PENDAHULUAN**

Biografi seseorang tokoh sewajarnya dikaji dan didedahkan kepada umum agar ianya dapat memberi contoh dan teladan kepada generasi akan datang. Apatah lagi apabila tokoh tersebut adalah seorang tokoh yang telah banyak memberi sumbangan kepada sesebuah masyarakat dan negara. Lantaran itulah, dalam bab ini penulis akan membincangkan secara khusus tentang biografi penterjemah *Fī Zilāl Al-Qur'ān* iaitu Allahyarham Dato' Yusoff Zaky Haji Yacob. Perbincangan ini meliputi beberapa aspek termasuklah latar belakang persekitaran, sosio budaya dan politik, salasilah keturunan dan biodatanya secara lengkap. Kajian ini juga turut mengenangkan sejarah penglibatan beliau dalam bidang penulisan serta sumbangan beliau dalam segenap aspek.

#### **3.2 LATAR BELAKANG PERSEKITARAN**

Perbincangan tentang latar belakang persekitaran akan memberikan tumpuan kepada dua aspek utama, iaitu sosio budaya dan politik serta keluarga dan keturunan.

### 3.2.1 Sosio Budaya Dan Politik

Dato' Yusoff Zaky merupakan anak jati Kelantan dan dibesarkan dalam sebuah keluarga ulama tersohor. Persekutaran keluarga dengan didikan yang diterima daripada bapanya, iaitu Tuan Guru Haji Yacob Gajah Mati memberi kesan yang mendalam kepada pembentukan peribadi beliau sebagai seorang ulama. Ini ditambah lagi dengan persekitaran masyarakat bandar Kota Bharu awal abad ke-20 yang banyak membantu beliau memantapkan intelektual dan mengembangkan bakat penulisan.

Secara umumnya sosio budaya negeri Kelantan mempunyai beberapa persamaan dengan sosio budaya negeri-negeri di sekitar Nusantara. Sebagai salah sebuah negeri di Semenanjung Malaysia dan pernah terletak di bawah taklukan Siam, Jepun dan Inggeris, sosio budaya negeri ini begitu unik dan menarik. Dari segi kebudayaan, ianya kelihatan mempunyai beberapa persamaan dengan negeri Jawa di Indonesia. Manakala dari segi peranannya sebagai pusat penyebaran Islam, ianya mempunyai beberapa persamaan dengan negeri Patani dan Aceh. Berdasarkan hakikat inilah, negeri Kelantan telah melahirkan banyak tokoh ulama, budayawan, seniman, ahli politik dan cendekiawan yang memainkan peranan di segenap pelusuk tanahair.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Abdul Aziz Deraman (1986), Kelantan dalam Perspektif Sosio-Budaya dalam *Warisan Kelantan V*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, h. 1-10.

Perbincangan tentang sosio budaya masyarakat Kelantan memang tidak dapat dipisahkan dengan peranannya sebagai pusat perkembangan agama Islam pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Walaupun agama Islam dikatakan sudah bertapak di Kelantan semenjak abad ke 12, namun ianya semakin jelas apabila Tuan Tabal<sup>2</sup> (1816 – 1891) berhijrah ke Kota Bharu pada akhir abad ke-19. Perkembangan Islam yang diasaskan oleh Tuan Tabal diteruskan oleh ulama-ulama lain seperti Haji Muhammad Yusoff bin Muhammad (Tok Kenali), Haji Wan Musa Haji Abdul Samad (anak Tuan Tabal), Haji Mohd Yusoff Haji Ahmad (Tok Selihor), Haji Ismail Haji Senik (Tok Kemuning), Haji Othman bin Haji Muhammad (Tok Bachok) dan ramai lagi. Kemunculan ulama-ulama ini juga turut mempengaruhi kepada terdirinya institusi pondok yang kukuh dan pesat. Sistem pondok yang didirikan di negeri Kelantan ini juga turut terpercik ke negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia.<sup>3</sup>

Perkembangan pesat ini juga menjadikan Kota Bharu sebagai pusat tumpuan pengajian Islam kedua terpenting di Asia Tenggara selepas Patani. Pada waktu inilah, Kelantan telah menjadi tumpuan pelajar-pelajar yang datang dari segala ceruk Asia

---

<sup>2</sup> Nama sebenarnya ialah Haji Abdul Samad Mohd Salleh, Gelaran Tuan Tabal adalah bersempena nama kampung halamannya iaitu Tabal yang terletak di Selatan Thailand. Beliau di anggap sebagai pengasas ilmu agama secara mendalam di negeri Kelantan. Untuk melihat biografi beliau secara lebih dekat, sila rujuk Nik Abdul Aziz Nik Hassan(1983), *Islam di Kelantan*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, h. 22

<sup>3</sup> Untuk mengetahui perkembangan pengajian pondok di Kelantan, sila rujuk Rahim bin Abdullah (1983), Pelajaran Pondok di Kelantan, dalam *Warisan Kelantan II*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, h. 1; Ismail Che Daud (1991), Sekolah Pondok di Negeri Kelantan, dalam *Warisan Kelantan X*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, h. 1

Tenggara seperti Indonesia, Kemboja, Siam dan Laos.<sup>4</sup> Peranan tersebut menyebabkan Kelantan terkenal dengan gelaran ‘Serambi Makkah’.<sup>5</sup>

Suasana sosial masyarakat Kelantan yang wujud pada masa itu turut memberi sumbangan ke arah memeriahkan lagi sambutan masyarakat terhadap pengajaran ulama-ulama itu. Pada umumnya anggota-anggota masyarakat di Kelantan khususnya Kota Bharu hidup dalam kelompok-kelompok perkampungan tertentu. Hubungan di antara satu individu dengan individu lain di dalam sesuatu perkampungan secara umumnya adalah akrab. Oleh yang demikian amalan gotong-royong untuk mendirikan rumah dan surau sering berlaku. Dalam konteks masyarakat yang sedemikian, apabila timbulnya minat salah seorang daripada kelompok perkampungan itu untuk mendengar pengajaran agama, maka dengan sendiri pula mendorong mereka yang lain untuk turut serta.<sup>6</sup>

Ini ditambah lagi dengan suasana kehidupan ekonomi masyarakat pada waktu itu. Pada umumnya masyarakat Kota Bharu pada masa itu ialah masyarakat tradisional. Kehidupan anggota masyarakat pada asasnya bergantung kepada hasil-hasil pertanian secara kecil-kecilan. Mereka hidup secara sederhana dan hasrat untuk hidup secara berlebihan tidak wujud di kalangan mereka. Oleh yang demikian,

---

<sup>4</sup> Abdul Rahman al-Ahmadi (1966), *Pengantar Sastera*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, h. 158.

<sup>5</sup> Maksud serambi Makkah di sini ialah pusat tumpuan pelajar-pelajar di rantau Asia Tenggara mempelajari ilmu agama sebelum pergi mendalaminya ke Makkah, Nik Abdul Aziz Nik Hassan,

*Op.Cit*, h ix

<sup>6</sup> *Ibid* h. 4

mereka mempunyai masa yang banyak untuk pergi ke masjid dan surau bagi mendengar pengajaran agama.<sup>7</sup>

Walaupun agama Islam sudah lama bertapak di Kelantan, namun kehidupan sosial masyarakat Kelantan masih dipengaruhi oleh unsur-unsur animisme. Pengaruh ini lahir bersama-sama kedatangan pelbagai fahaman agama dari luar, khususnya agama Hindu dan Budha yang mempengaruhi kehidupan masyarakat Melayu pra Islam. Antara amalan yang masih diperlakukan ialah Semah Kuala, Main Puteri, percaya kepada makhluk-makhluk halus dan sebagainya.

Meninjau tumpuk pemerintahan Kelantan, sultan yang memerintah pada waktu itu ialah Tengku Ismail (1920 - 1944). Baginda merupakan putera Sultan Muhammad IV (Tengku Long Senik) yang menaiki takhta selepas ayahandanya mangkat pada 23 Disember 1920 dengan gelaran Sultan Ismail. Baginda merupakan seorang Sultan yang mengambil berat tentang pendidikan. Semasa pemerintahan baginda, seluruh negeri Kelantan jatuh ke tangan Jepun iaitu pada 18 Disember 1941. Selepas itu negeri Kelantan terletak di bawah pentadbiran tentera Jepun atau Pejabat Kamboo di bawah pemerintahan gabenor Jepun yang dipanggil Caka Ka Ka, namun Sultan Ismail masih diakui sebagai Ketua Agama dan Adat Istiadat Kelantan.<sup>8</sup>

---

<sup>7</sup> *Ibid*

<sup>8</sup> Mohd Zain Sidek (1987), *Keluarga Diraja Kelantan*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan Istana Jahar, h. 152.

### 3.2.2 Keluarga Dan Keturunan

Menelusuri latar belakang Dato' Yusof Zaky, kita akan mendapati bahawa keturunan beliau bergabung antara tiga elemen utama iaitu ulama, ahli seni dan peniaga. Ini kerana datuk dan moyang beliau adalah tukang emas dan peniaga. Manakala ayahnya pula ialah salah seorang ulama yang terkenal dan disegani di negeri Kelantan.

Moyang beliau, Haji Ismail yang berasal dari kampung Laut adalah seorang tukang emas dan pedagang yang sering membuat pelayaran.<sup>9</sup> Kemahiran ini seterusnya diwarisi pula oleh datuknya iaitu Haji Ahmad. Manakala ayah beliau iaitu Haji Yacob lebih cenderung untuk mendalami agama. Haji Yacob yang terkenal dengan gelaran Tuan Guru Haji Yacob Gajah Mati merupakan seorang ulama yang terkenal di Kelantan pada awal 1990-an.

Bertitik tolak dari inspirasi sendiri, Haji Yacob telah menumpukan minatnya kepada pengajian Islam. Dalam usia yang masih muda iaitu 14 tahun, beliau dibawa ke Mekah buat pertama kalinya pada 23 Januari 1909 dan tinggal di sana selama setahun. Setelah kembali dari Mekah, beliau kemudiannya berguru pula dengan tokoh ulama terkenal pada waktu itu iaitu Tok Kenali. Setelah tamat belajar dengan Tok Kenali pada tahun 1916, beliau sekali lagi bertolak ke Mekah bersama ayahnya. Pada

---

<sup>9</sup> Ismail Che Daud, Haji Yacob Haji Ahmad Gajah Mati, *Majalah Pengasuh* bil. 414, edisi April 1976, h. 21; lihat juga Ismail Che Daud, Haji Yaakub Gajah Mati (1895-1957), dalam *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu (II)* (1996), Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 1.

kali ini beliau tinggal lebih lama iaitu lebih kurang tiga tahun untuk menambahkan lagi pelajaran yang sedia ada.<sup>10</sup>

### **3.3 BIODATA DATO' YUSOFF ZAKY**

Perbincangan tentang biodata Dato' Yusoff Zaky dilakukan dengan melihat beberapa aspek iaitu nama dan kelahiran, pendidikan, kehidupan berumah tangga, jawatan yang disandang dan keperibadian.

#### **3.3.1 Nama Dan Kelahiran**

Nama sebenar Dato' Yusoff Zaky ialah Yusof bin Yacob, manakala 'Zaky' merupakan laqab (gelaran) yang diberikan oleh sahabat-sahabat beliau semenjak awal tahun 1940-an ketika terlibat secara aktif dalam Kelab Setiawan Budi.<sup>11</sup> Gelaran Yusoff Zaky juga telah menyelamatkan diri beliau daripada ditangkap oleh pihak British Military Administration (BMA) selepas perang dunia kedua disebabkan peranan aktifnya dalam gerakan kemerdekaan Tanah Melayu dan pernah terlibat dengan Kesatuan Melayu Muda (KMM) pimpinan Ishak Haji Muhammad dan Dr. Burhanuddin al-Helmi. Disebabkan gelaran inilah pihak BMA tidak dapat menjelakinya memandangkan nama yang terdapat dalam kelab (kesatuan) ialah Yusoff Zaky manakala nama yang dikenali umum ialah Yusoff Yacob. Akhirnya

<sup>10</sup> *Ibid*

<sup>11</sup> Nama itu adalah yang tercatat di dalam kad pengenalan seperti yang telah diberitahu oleh anaknya. Wawancara dengan Encik Irfan Zaky Dato' Yusoff Zaky di Pejabat Dian Darul Naim, Kota Bharu, Kelantan, pada 14 Januari 2002. (selepas ini Wawancara dengan Irfan Zaky pada 14 Januari 2002).

Dato' Mohamad Mustaffa Kamil (Dato' Setia) datang ke rumahnya dan menyuruh bapanya melaikan beliau ke Pasir Mas.<sup>12</sup> Selepas daripada peristiwa tersebut, beliau mula terlibat secara aktif dalam bidang penulisan dengan menggunakan nama Yusoff Zaky sebagai nama penanya.

Dato' Yusoff Zaky dilahirkan di Kampung Gajah Mati Kota Bharu pada 13 Jun 1928. Beliau adalah anak ketiga daripada tujuh orang adik beradik. Adik beradik beliau ialah Husin, Hasan, Siti Nor, Fatimah, Siti Aisyah dan Mohammad Nor.<sup>13</sup>

Seperti yang dijelaskan sebelum ini bahawa ayah beliau, iaitu Haji Yacob bin Haji Ahmad yang lebih dikenali dengan panggilan Tuan Guru Haji Yacob Gajah Mati merupakan salah seorang tokoh ulama yang terkenal di negeri Kelantan. Manakala ibu beliau, iaitu Hajjah Halimah binti Haji Che Ha adalah cicit kepada Tok Kweng Khatib Nuh yang berasal daripada Kuala Lemal Pasir Mas Kelantan.<sup>14</sup>

### **3.3.2 Zaman Kehidupan**

Seperti yang telah dijelaskan, Dato' Yusoff Zaky dilahirkan pada tahun 1928. Pada awal 1990-an menyaksikan banyak peristiwa penting berlaku di Kelantan. Pengaliran pemikiran reformisme Islam di Kota Bharu sebelum tahun 1930, membawa kepada

<sup>12</sup> Tajuddin Saman, Raihanah Abdullah, Zulkofli Jamaludin, Zainuddin Isa, Nurul Adlina Kamaludin, Pahlawan Pena, *Berita Minggu*, 9 Ogos 1998.

<sup>13</sup> Wawancara dengan Encik Irfan Zaky pada 14 Januari 2002; lihat juga Lotfi Ismail, (1993). *Mereka Yang Berjaya*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, h. 52.

<sup>14</sup> Wawancara dengan Encik Nasir Zihni di pejabat Nik Saghir & Ismail Advocates & Solicitors, Menara Maybank, Kuala Lumpur, pada 23 April 2001. (selepas ini wawancara dengan Encik Nasir Zihni pada 23 April 2002).

konflik pendapat di antara para ulama. Konflik ini dapat dilihat antara Haji Wan Musa (yang mewakili kaum Muda) dengan beberapa ulama tradisional (kaum Tua) seperti Haji Noh Palembang, Haji Ahmad Maher, Haji Mahmod Zuhdi dan lain-lain. Pertentangan pendapat itu berlaku dalam beberapa perkara seperti niat dan *usalli* sembahyang, talqin dan jilatan anjing. Kemuncak daripada konflik ini ialah berlakunya perbahasan terbuka pada tahun 1937 di Istana Sri Cemerlang.<sup>15</sup>

Zaman ini juga merupakan peralihan daripada zaman kegelapan kepada zaman yang lebih baik, terutamanya dari aspek perkembangan intelektual masyarakat tempatan. Zaman ini telah lahir suatu sistem pendidikan yang lebih teratur yang dipelopori oleh sekolah-sekolah Majlis Agama Islam. Kelahiran sekolah ini menandakan bermulanya suatu tempoh baru bukan sahaja dalam kesedaran untuk memberi pelajaran kepada anak-anak Melayu, tetapi yang lebih penting ialah pelajar-pelajar sekolah Majlis merupakan pencetus kepada kebangkitan golongan inteligensia Melayu Kelantan pada tahun-tahun berikutnya.<sup>16</sup> Hal ini juga bakal mencetuskan gerakan politik yang lebih radikal yang dipelopori oleh golongan Melayu terpelajar seperti guru dan pengarang.

Zaman ini juga menyaksikan asimilasi pendidikan beracuan Barat dengan silibus pondok. Dalam tahun 1931, H. R. Carey telah dikirim oleh Jabatan Pelajaran negeri-negeri Selat sebagai Superintendent Pelajaran Kelantan. Hasilnya, sekolah

<sup>15</sup> Untuk mengetahui peristiwa perbahasan tersebut dengan lebih lanjut, sila rujuk Muhammad Salleh b. Wan Musa dan S. Othman Kelantan, "Theological Debates: Hj. Wan Musa b. Abdul Samad and its family" *Kelantan, Religion, Society and Politics in A Malay State*, Kuala Lumpur, Oxford: University Press, h. 153-169

<sup>16</sup> Alias Muhammad (1977), *Inteligensia Melayu Kelantan*, Kota Bharu: Mohd Nawi Book Store, 1977, h. 42.

Inggeris Kelantan pertama telah dibuka pada awal tahun 1936 dengan nama Ismail English School.<sup>17</sup> Penubuhan sekolah Inggeris ini antaranya hasil tekanan dan teguran yang wujud pada akhir tahun-tahun 1920-an dan awal tahun 1930-an. Di antara tekanan dan teguran tersebut ialah teguran Majalah Pengasuh dan Majalah Al-Hikmah serta Pertubuhan Putera Club pimpinan Abdul Kadir Adabi dan Asaad Shukri Haji Muda.<sup>18</sup>

Perkembangan politik lebih rancak dengan kelahiran Kesatuan Melayu Muda pada awal tahun 1938 hasil perancangan Ibrahim Yaakub dan Ishak Haji Muhammad. Manakala di Kelantan, Kesatuan Melayu Muda cawangan Kelantan diasaskan oleh Abdul Kadir Adabi dan Ibrahim Mustafa. Sekiranya dalam dekad pertama abad ke-20 ini, telah menyaksikan suatu sistem pendidikan agama yang berdasarkan sistem pondok, maka awal dekad kedua abad ini, menyaksikan penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada 24 Disember 1915. Sememangnya penubuhan ini lebih menjanjikan perubahan untuk melahirkan golongan intelektual dan elit Melayu melalui penubuhan sekolah-sekolah Agama, Melayu dan Inggeris.<sup>19</sup>

Walaupun begitu, sekolah-sekolah Majlis ini hanyalah dibina di kawasan-kawasan tertentu sahaja seperti Kota Bharu, Pasir Mas, Pasir Puteh dan Kutan. Hal ini berlaku kerana kekurangan peruntukan kewangan untuk menampung aktiviti sekolah dan gaji guru-guru.<sup>20</sup> Begitu juga dengan sekolah aliran Inggeris-Melayu yang hanya

<sup>17</sup> *Ibid.* h. 67.

<sup>18</sup> *Ibid*

<sup>19</sup> *Ibid*

<sup>20</sup> *Ibid*

terletak di kawasan bandar dan tidak mengizinkan penduduk di kawasan pedalaman untuk menghantar anak-anak mereka agar turut mendapat pendidikan formal.<sup>21</sup>

### 3.3.3 Pendidikan

Secara tidak formal, Dato' Yusoff Zaky mendapat pendidikan awal daripada ayahnya sendiri, iaitu Tuan Guru Haji Jacob Gajah Mati. Pendidikan yang diterima daripada ayahnya tidak berbentuk konservatif walaupun sebahagian besar ulama-ulama di Kelantan pada waktu itu berfikiran sedemikian. Ayahnya tidak menyekat kebebasan beliau dan adik-beradiknya yang lain, dan mereka dibenarkan berambut panjang (tidak berkepala botak) dan memakai seluar (tidak memakai kain pelikat) walaupun ramai ulama pada zaman itu melarang keras berambut panjang dan memakai seluar. Ayahnya juga selalu berpesan kepada mereka dan adik-beradiknya yang lain agar mencari rezeki yang halal, jangan melanggar hukum-hukum agama dan jangan meninggalkan sembahyang.<sup>22</sup>

Manakala secara formal, Dato' Yusoff Zaky menerima pendidikan awal pada pertengahan tahun 1930-an di Sekolah Majlis Kota Bharu.<sup>23</sup> Proses pendidikan di sekolah tersebut agak terganggu akibat tercetusnya Perang Dunia Kedua. Walau

<sup>21</sup> Jamal Mohamad Lokman (1999), *Biografi Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat*, Edisi 1, Selangor, SULFA Human Resources & Development, h. 6.

<sup>22</sup> Ismail Che Daud, *Op.Cit*, h. 2

<sup>23</sup> Penulis tidak mendapat tarikh yang tepat bilakah beliau memulakan pengajiannya di Sekolah Majlis. Ini kerana tidak ada catatan ataupun respondan yang dapat memberikan maklumat dengan jelas. Sekolah Majlis Kota Bharu adalah salah sebuah sekolah peringkat rendah yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Ianya ditubuhkan pada tahun 1917 dengan nama Madrasah Muhammadiah. Pada mulanya sekolah-sekolah Majlis hanya menerima pelajar-pelajar lelaki, tetapi bermula tahun 1936 ianya mula menerima pelajar-pelajar perempuan, lihat Alias Muhammad, *Op.Cit*, h. 39-43.

bagaimanapun, beliau kemudiannya dapat melanjutkan pengajian ke sekolah Arab Jame' Isma'ili di Kota Bharu.<sup>24</sup> Sekolah ini adalah satu-satunya sekolah pondok yang paling sistematis pada ketika itu.<sup>25</sup>

Sebagai seorang pencinta ilmu, beliau merasakan tidak lengkap sekiranya tidak menyambung pengajian ke negara Arab. Lantaran itulah setelah mendapat galakan daripada guru-guru dan rakan-rakan, beliau memilih untuk menyambung pengajian ke Mesir. Pada tahun 1949, beliau melanjutkan pengajian ke Mesir dengan pembiayaan abangnya iaitu Dato' Husin Haji Yacob.<sup>26</sup> Pada mulanya beliau ingin belajar di Universiti al-Azhar, tetapi beliau kemudiannya berubah fikiran dan memilih untuk menyambung pengajian di American Cairo University dalam bidang pendidikan dan psikologi.<sup>27</sup>

American Cairo University dianggap sebuah Universiti yang fleksibel dan mendahului zamannya dari segi kurikulum dan silibus kendatipun ianya kurang dikenali berbanding dengan Universiti al-Azhar. Selama berada di American Cairo University, beliau didedahkan dengan pelbagai mata pelajaran terutamanya dalam bidang Psikologi, Pendidikan, Sosiologi, Ekonomi, Antropologi dan lain-lain.<sup>28</sup>

<sup>24</sup> Sekolah Arab Jame' Isma'ili adalah lanjutan dan pecahan daripada Madrasah Muhammadiyah yang membuka bahagian Arab. Bahagian ini dinamakan al-Madrasatul Muhammadiyah al-Arabiyyah. Pada tahun 1942, Bahagian Arab ini dipindahkan ke bangunan Jame' Merbau dikenali dengan nama Jame' Merbau Isma'ili. Dalam tahun 1948, pelajaran sekolah ini meningkat sampai ke peringkat menengah.

*Ibid.*

<sup>25</sup> Norhisyam Mustafa, Yusoff Zaky Tolak Kernewahan, *Berita Harian*, 2 Mac 1999, h. 7, lihat juga Alias Haji Mohd Nor (2000), *Tokoh-tokoh Ulama Kelantan Darul Naim*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn Bhd, h. 28

<sup>26</sup> Wawancara dengan Encik Irfan Zaky pada 14 Januari 2002.

<sup>27</sup> *Ibid.* lihat juga Tajuddin Saman, Yusof Tolak Tawaran Kerja Kerana Dian, *Berita Minggu*, 6 September 1996.

<sup>28</sup> Norhisyam Mustafa, *Op.Cit.*

Pendedahan beliau kepada bidang-bidang ilmu pengetahuan yang baru itu telah membuka ufuk pemikirannya untuk menghasilkan karya-karya yang bermutu di samping menjadikan Al-Quran dan Al-Hadith sebagai sumber dan tunjang bagi seluruh kegiatan hidup. Selama enam tahun berada di Mesir dan kesempatan bergaul dengan mahasiswa Mesir dan mahasiswa serata dunia yang menuntut di American Cairo University dipergunakan sebaiknya bagi meluaskan ufuk pemikiran serta mengembangkan minatnya dalam bidang penulisan.<sup>29</sup>

### **3.3.4 Guru-guru**

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, Dato' Yusoff Zaky mendapat pendidikan secara formal dan tidak formal. Lantaran itu, beliau sempat berguru dengan ramai tokoh ulama sepanjang pengajiannya.<sup>30</sup>

Di antara mereka yang memberi sumbangan besar kepada pembentukan intelektual beliau ialah:

**3. Tuan Guru Haji Yacob Gajah Mati (ayahnya sendiri)**

Ayahnya, Tuan Guru Haji Yacob Gajah Mati adalah guru pertama dan daripadanya beliau mendapat didikan dan asuhan dalam pelbagai ilmu pengetahuan. Ayahnya juga menggalakkan beliau mendalami ilmu-ilmu agama daripada tokoh-tokoh ulama pada waktu itu.

<sup>29</sup> *Ibid.*

<sup>30</sup> Penulis hanya mendapat maklumat tentang guru-guru beliau ketika belajar di Malaysia dan tidak mendapat maklumat tentang guru-guru beliau ketika belajar di Mesir. Ini disebabkan tiada respondan yang mengetahuinya dengan jelas.

3. Tok Khurasan (Abu Abdullah Syed Hassan bin Nor Hasan)

Dato' Yusoff Zaky sempat belajar dari Tok Khurasan pada sekitar tahun 1940-an sewaktu berumur belasan tahun. Beliau mendapat didikan daripada Tok Khurasan dalam beberapa bidang ilmu pengetahuan terutamanya ilmu hadith dan tafsir Al-Quran.<sup>31</sup>

3. Ustaz Abdul Rabb al-Tamimi.

Ustaz Abdul Rabb al-Tamimi merupakan guru beliau dalam bidang bahasa Arab dan beliau belajar daripadanya sekitar tahun 1940-an ketika berumur belasan tanun. Boleh dikatakan penguasaan bahasa Arabnya begitu baik hasil bimbingan dan tunjuk ajar Ustaz Abdul Rabb al-Tamimi. Beliau pernah diberi kepercayaan oleh Ustaz Abdul Rabb al-Tamimi untuk menulis surat-surat ke negara Arab terutamanya untuk pesanan buku-buku.<sup>32</sup>

Selain daripada tokoh-tokoh di atas, Dato' Yusoff Zaky juga mendapat didikan daripada ulama-ulama lain, di antara mereka ialah Tuan Guru Haji Abbas Bukit Tiu, Tuan Guru Ahmad Maher, Tuan Guru Saad Kangkung, Nik Abdul Rahman, Ustaz Khatib Ali, Ustaz Wan Sulaiman dan lain-lain.<sup>33</sup>

---

<sup>31</sup> Wawancara Encik Hussain Yaakub, Kedainya di Jalan Haji Hussein, Kuala Lumpur, 5 Januari 2002. Encik Hussain Yaakub atau gelarannya Ibnu Muslim adalah kolumnis tetap Harakah dan pernah mendapat didikan daripada Dato' Yusoff Zaky pada sekitar tahun 1970-an hingga 1980-an. (selepas ini wawancara dengan Encik Hussain Yaakub pada 5 Januari 2002)

<sup>32</sup> *Ibid*

<sup>33</sup> Norhisyam Mustafa, *Op.Cit*

### **3.3.5 Kehidupan Berumahtangga**

Dato' Yusoff Zaky mengakhiri zaman bujangnya ketika berusia 27 tahun apabila melangsungkan perkahwinan dengan seorang gadis pilihan kedua orang tuanya pada tahun 1955. Semasa dijabkabulkan, isteri beliau, Datin Hajjah Azizah Haji Yusoff berusia 20 tahun; dilahirkan pada 11 Ogos 1935, merupakan anak ketiga daripada empat beradik. Beliau merupakan satu-satunya anak perempuan.<sup>34</sup>

Hasil perkahwinan mereka telah dikurniakan tiga orang anak. Mereka ialah<sup>35</sup>:

1. Nasir Zihni yang menjadi seorang peguam korporat di Kuala Lumpur (berkelulusan LLB Lincoln Inns);
2. Irfan Zaky (berkelulusan sains Komputer di Nagoya Jepun) yang menjadi seorang usahawan dan;
3. Nublan Zaky yang bekerja sebagai Timbalan Pengarah Syarikat di Kuala Lumpur dan Pengarang buku *Economic Islamic Perspective Stock Market*.

### **3.3.6 Jawatan Yang Di Sandang**

Sekembalinya beliau ke tanah air pada tahun 1955, Dato' Yusoff Zaky berpeluang untuk menjadi pegawai kerajaan. Beliau pernah ditawarkan untuk menjawat jawatan tertentu di Pejabat Mufti Kelantan. Beliau juga pernah ditawarkan bekerja dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang mana tawaran itu dibawa sendiri oleh

<sup>34</sup> Wawancara dengan Encik Irfan Zaky pada 14 Januari 2002.

<sup>35</sup> *Ibid*; lihat juga Alias Haji Mohd Noor, *Op. Cit*, h.35

Pengarah DBP pada ketika itu iaitu Syed Nasir Syed Ismail.<sup>36</sup> Walau bagaimanapun, beliau menolak dengan baik semua tawaran itu kerana beliau lebih berminat untuk menjadi pengarang bebas dan bercita-cita memiliki percetakan sendiri. Cita-cita tersebut mungkin dipengaruhi oleh minatnya yang mendalam terhadap penulisan serta apa yang disaksikan oleh beliau dalam dunia percetakan di Mesir.

Selain itu, beliau turut menolak tawaran daripada pihak UMNO dan PAS untuk bertanding di mana-mana kerusi Parlimen dan DUN di Kelantan. Kemuncak penolakan itu ialah apabila beliau dengan hormatnya mengenepikan tawaran untuk duduk dalam Majlis Tertinggi (MT) UMNO yang tidak syak lagi adalah tiket untuk dilantik sebagai Menteri.<sup>37</sup> Walau bagaimanapun, sebagai seorang yang berkelayakan, beliau dilantik untuk menganggotai banyak organisasi sama ada organisasi kerajaan atau bukan kerajaan (NGO). (sila rujuk lampiran C).

### 3.3.7 Keperibadian

Dari sudut keperibadian, penulis mengkaji dari beberapa aspek iaitu sudut fizikal, hubungan dengan sahabat dan masyarakat, hubungan dengan keluarga, minat, hobi dan kehidupan.

---

<sup>36</sup> Lotfi Ismail *Op.Cit*, h, 58; lihat juga Norhisyam Mustafa, *Op.Cit*.

<sup>37</sup> *Ibid*

### A. Sudut Fizikal.

Jika dilihat dari sudut fizikal, Dato' Yusoff Zaky merupakan seorang yang bertubuh sederhana, tidak tinggi dan tidak rendah, berkulit putih, di samping mempunyai raut wajah yang tenang. Penampilan beliau cukup sederhana dan bersesuaian dengan kerjayanya sebagai pengarang sepenuh masa. Beliau juga kelihatan lebih muda daripada usianya yang sebenar. Dengan kata lain, beliau benar-benar mempraktik dan menghayati segala prinsip psikologi yang dikemukakan di dalam karya beliau, baik yang berbentuk buku maupun yang berbentuk rencana.<sup>38</sup>

### B. Hubungan Dengan Sahabat Dan Masyarakat

Di kalangan sahabat handai dan pekerja-pekerjanya, beliau dikenali sebagai seorang yang penyabar dan suka menceriakan suasana dengan menghiburkan sahabat-sahabat di sekeliling. Beliau juga dikenali sebagai seorang yang mudah mesra dengan sesiapa sahaja. Sikap tersebut membuatkan masyarakat dapat menerima dengan baik, terutama sekali apabila beliau memberi kuliah di sesuatu tempat.<sup>39</sup> Beliau juga sering menjemput sahabat dan kenalan berkunjung ke rumahnya dan kebiasaananya apabila sahabat handai berkumpul, beliau akan membuat jamuan dengan pelbagai juadah istimewa.<sup>40</sup>

---

<sup>38</sup> Lotfi Ismail, *Op.Cit*, h. 66.

<sup>39</sup> Wawancara dengan Encik Nasir Zihni pada 23 April 2001.

<sup>40</sup> Wawancara dengan Datin Azizah di rumahnya di kampung Paya Purnama, Kota Bharu, pada 14 Januari 2002. (selepas ini wawancara dengan Datin Azizah pada 14 Januari 2002).

### C. Hubungan Dengan Keluarga

Dalam kehidupan berumahtangga, Dato' Yusoff Zaky merupakan suami dan bapa yang mempunyai segala sifat positif dalam diri, penyayang, penyabar, sentiasa berada dalam ketenangan, lemah lembut dalam tutur kata, berbudi bahasa dan sentiasa bersikap terbuka dan muhibah terhadap orang lain. Beliau sentiasa menuaikan solat Maghrib dan Subuh di rumah secara berjemaah dengan anggota keluarga. Di samping itu, beliau sering berbincang sesama keluarga mengenai sesuatu hal yang menyentuh kepentingan bersama. Setiap pandangan anggota keluarga diberi perhatian dan diambil kira. Dengan demikian, setiap anggota keluarga turut bertanggung jawab dalam membina sebuah keluarga yang sihat, aman, dan bahagia sepanjang masa.<sup>41</sup>

### D. Minat dan Hobi

Membaca dan menulis adalah minat atau hobi utama Dato' Yusoff Zaky. Beliau jarang berpisah dengan buku walaupun semasa sakit dan dirawat di hospital. Semasa berada di hospital, beliau pernah membaca secara berterusan selama dua hari dua malam dan hanya berhenti untuk melakukan perkara-perkara mustahak sahaja seperti makan dan sembahyang.<sup>42</sup>

Selain membaca, beliau juga begitu minat menulis. Beliau meletakkan keseluruhan hiburan dalam hidupnya kepada penulisan dan bagi beliau, saat-saat yang

---

<sup>41</sup> Lotfi Ismail, *Op.Cit*, h. 66.

<sup>42</sup> *Ibid*

membosankan dan mendukacitakan ialah apabila tidak dapat menggerakkan pena di atas kertas. Malah suatu ketika, sewaktu terlantar sakit di hospital selama setahun sembilan bulan, beliau sempat menghasilkan beberapa karya bermutu yang telah mendapat sambutan hangat daripada masyarakat. Antara karya tersebut ialah *Mencari Kejernihan Jiwa, Ilmu Masyarakat* dan lain-lain.<sup>43</sup>

#### E. Hidup Secara Sederhana

Dalam kehidupan, beliau lebih suka hidup secara sederhana dan tidak bermewah-mewah. Beliau bukannya tidak berpeluang untuk hidup lebih senang, malahan peluang itu terbentang di hadapannya apabila beliau kembali dari Mesir, tetapi beliau lebih rela memilih jalannya sendiri dengan melibatkan diri secara sepenuh masa dalam bidang penulisan. Sikap beliau yang sederhana ini tergambar jelas apabila beliau hanya meninggalkan sebidang tanah dan sebuah kereta lama apabila meninggal dunia.<sup>44</sup>

### 3.4 KEGIATAN DATO' YUSOFF ZAKY SEMASA HAYATNYA

Perbincangan tentang kegiatan Dato' Yusoff Zaky, ditinjau dalam beberapa peringkat kehidupan beliau. Penulis membahagikannya kepada tiga peringkat iaitu sebelum berangkat ke Mesir, ketika menuntut di Mesir dan sekembalinya ke tanah air.

<sup>43</sup> *Ibid*

<sup>44</sup> Wawancara dengan Encik Nasir Zihni pada 23 April 2001.

### 3.4.1 Sebelum Berangkat Ke Mesir

Dalam usia remaja, Dato' Yusoff Zaky merupakan seorang yang mencintai ilmu pengetahuan. Beliau begitu tekun mendalami ilmu dengan menghadiri kuliah dan pengajaran yang disampaikan oleh para alim ulama di sekitar bandar Kota Bharu. Selain itu, beliau juga begitu minat membaca sehingga beliau membaca kebanyakan buku dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan yang terdapat di rumahnya.<sup>45</sup>

Semasa menuntut di Jami' Isma'iliy, Dato' Yusoff Zaky sudah terlibat dalam bidang penulisan. Tulisan-tulisan beliau mendapat tempat di beberapa majalah tempatan, terutamanya Majalah al-Hikmah dan Majalah Pengasuh. Karya pertama beliau diterbitkan pada tahun 1938 ketika beliau berumur 10 tahun. Ianya memperkatakan tentang masalah sosial dan pendidikan di kalangan orang Melayu. Sebuah lagi karya awal beliau ialah sebuah sajak yang bertajuk 'Tangisan Tekukur' yang disiarkan dalam Majalah Pengasuh. Manakala buku pertama beliau yang bertajuk *Membela Demokrasi* diterbitkan oleh Abu Bakar Ahmadi pada tahun 1944 ketika beliau berumur 16 tahun.<sup>46</sup>

Penglibatan Dato' Yusoff Zaky dalam bidang penulisan sebenarnya mendapat galakan daripada guru-gurunya, terutama Ustaz al-Khatib Haji Ali dan Ustaz Haji Wan Sulaiman. Selain itu, beliau juga turut mendapat bimbingan daripada Persatuan

<sup>45</sup> Wawancara dengan Encik Hussain Yaakub pada 5 Januari 2002.

<sup>46</sup> *Ibid* h. 55

Setiawan Belia.<sup>47</sup> Beliau mendapat perhatian dan galakan khusus daripada Encik Asaad Shukri dan Encik Mohd Adnan Ariffin.<sup>48</sup>

Bakat beliau dalam bidang penterjemahan juga terserlah semenjak belajar di sekolah Jami' Ismai'ily. Beliau pernah memenangi peraduan menterjemah syair dari Bahasa Arab ke bahasa Malaysia anjuran sebuah pawagam kepunyaan seorang saudagar Arab di Singapura.<sup>49</sup>

Selain itu, beliau pernah menjadi penasihat Persatuan Pemuda Asuhan Bekerjasama (PAB) iaitu sebuah pertubuhan pelajar Islam yang menggalakkan ahli-ahlinya melanjutkan pelajaran ke luar negeri. Pertubuhan inilah yang telah melahirkan kumpulan pertama pelajar-pelajar Melayu Kelantan yang melanjutkan pelajaran ke Mesir, India dan Indonesia.<sup>50</sup>

Selain daripada bidang penulisan, Dato' Yusoff Zaky juga turut terlibat dengan kegiatan kemerdekaan Tanah Melayu. Beliau pernah berkempen dengan pemimpin Barisan Buruh Sukarela (BBS)<sup>51</sup> untuk menyatukan orang Melayu. Beliau juga pernah bersama-sama dengan Ibrahim Yaakub yang merupakan bekas pemimpin

<sup>47</sup> Persatuan Setiawan Belia ialah satu kelab penulis-penulis Muda Kota Bharu yang ditubuhkan pada 1931 dan dipimpin oleh beberapa orang penulis pada waktu itu seperti Asaad Shukri, Abdul Kadir Adabi dan Hasan Fkri, lihat Alias Mohamed (1984), *Gerakan Sosial dan Politik Kelantan*. Kuala Lumpur: Insular Publishing House, h. 69; lihat juga Abdul Rahman al-Ahmadi (1986), Setiawan Belia dalam *Warisan Kelantan V*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Kelantan, h. 12.

<sup>48</sup> Lotfi Ismail, *Op.Cit*, h. 54.

<sup>49</sup> *Ibid* h. 55

<sup>50</sup> Nasruddin Saleh & Ilyas Muhammad, Wajah seorang sasterawan Islam yang gigih, *Utusan Kiblat*, November 1982.

<sup>51</sup> Barisan Buruh Sukarela merupakan satu barisan pemuda yang ditubuhkan oleh Jepun untuk mengantikan Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang diharamkan.

Kesatuan Melayu Muda (KMM) berpidato di bangunan Majlis Agama Islam Kelantan tentang perlu pentingnya orang-orang Melayu bersatu padu.<sup>52</sup>

### **3.4.2 Ketika Berada Di Mesir**

Dato' Yusoff Zaky melanjutkan pengajiannya ke Mesir pada tahun 1949 ketika berumur 21 tahun. Penulis tidak mendapat maklumat yang banyak tentang penglibatan Dato' Yusoff Zaky ketika berada di Mesir. Ini kerana penulis tidak berkesempatan untuk menemui rakan-rakan beliau yang sama-sama menuntut di Mesir.<sup>53</sup> Cumanya mengikut maklumat yang ada, semasa di sana beliau begitu tekun belajar. Beliau bukan hanya belajar secara formal di dewan-dewan kuliah, bahkan turut belajar melalui sheikh-sheikh di merata tempat.<sup>54</sup>

Selain tekun menuntut ilmu, beliau juga mempunyai pergaulan yang luas. Antara kenalan beliau yang paling rapat ialah Allahyarham Dr. Zulkifli Mohammad (bekas Yang Dipertua PAS). Dr. Zulkifli yang kakinya tempang sebelah selalu dibantu oleh Dato' Yusoff Zaky terutamanya apabila berjalan.<sup>55</sup> Pergaulan beliau yang luas membolehkan beliau dilantik memegang jawatan Yang Dipertua Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir (PMRAM) bagi menggantikan Tuan Ibrahim Sharif pada tahun 1955.<sup>56</sup>

<sup>52</sup> Alias Mohamed *Op.Cit*, h. 74

<sup>53</sup> Kebanyakan sahabat-sahabat beliau yang sama-sama menuntut di Mesir telahpun meninggal dunia.

<sup>54</sup> Wawancara dengan Encik Hussain Yaakub pada 5 Januari 2002.

<sup>55</sup> Wawancara dengan Encik Irfan Zaky pada 14 Januari 2002.

<sup>56</sup> Wawancara dengan Dato' Haji Daud bin Muhammad di pejabat Kadi Kota Bharu, pada 15 Januari 2002; lihat juga laman web Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir, <http://pmram.hypermart.net.19> November 2001.

Selain itu, beliau pernah membuat kerja-kerja terjemahan secara sambilan. Beliau sempat menterjemah sebuah buku karangan Abū al-A'lā al-Maudūdī yang bertajuk '*Revolusi Islam*'. Beliau juga pernah menterjemahkan sari kata daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu untuk beberapa buah filem Mesir yang diedarkan di Indonesia dan Malaysia.<sup>57</sup>

Disebabkan minat beliau dalam bidang penulisan, setelah tamat pengajian di American Cairo University dan sebelum pulang ke tanah air, Dato' Yusoff Zaky sempat mengkaji aspek penerbitan akhbar dan majalah di Mesir. Daripada situlah beliau mengambil contoh untuk disesuaikan di Malaysia. Di antara majalah yang menarik minat beliau ialah majalah *Kitābī*.<sup>58</sup>

### **3.4.3 Setelah Kembali Ke Tanah Air**

Setelah kembali ke tanah air pada tahun 1955, beliau tidak berminat untuk bekerja dengan kerajaan atau sektor swasta, bahkan beliau mempunyai cita-cita tersendiri iaitu untuk menjadi seorang pengarang sepenuh masa dan sekiranya boleh mahu memiliki sebuah percetakan sendiri.

Buku pertama yang ditulis sekembalinya dari Mesir ialah buku *Psikologi Remaja*. Setelah buku tersebut siap ditulis, Beliau membawa manuskrip buku itu ke pelbagai penerbitan, namun tidak seorangpun pemilik penerbitan di Kelantan pada

<sup>57</sup> Norhisyam Mustafa, *Op.Cit*

<sup>58</sup> Tajuddin Saman, *Op.Cit*

masa itu mahu menerbitkannya dengan alasan buku seperti itu tidak akan laku di pasaran. Tanpa putus asa beliau berusaha sendiri, dengan modal RM500 yang diperolehi daripada perbelanjaan perkahwinan,<sup>59</sup> beliau meminta pencetak Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) mencetaknya dan beliau sendiri yang memasarkannya. Benar sebagaimana sangkaannya, buku itu mendapat sambutan hangat dan habis dijual dalam beberapa bulan sahaja. Ianya kemudian diulang cetak sebanyak beberapa kali.<sup>60</sup>

Sepanjang pembabitan beliau sebagai pengarang, beliau telah menghasilkan beraneka jenis karya sastera seperti sajak, cerpen, novel, drama (termasuk sari kata filem), eseи, majalah dan buku. Hampir setiap karya yang dihasilkan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pembaca, terutama para peminat beliau. Walau bagaimanapun, antara karya beliau yang paling laris termasuklah beberapa buku iaitu *Masalah Imam dan Maknum, Dari Rahim ke Dunia, Psikologi Kanak-Kanak, Psikologi Remaja, Psikologi Takut, Mencari Kejernihan Jiwa dan 1001 Masalah Jiwa Manusia*.<sup>61</sup>

Bermula dari situ juga Dato' Yusoff Zaky menghabiskan kehidupan beliau sebagai pengarang sepenuh masa. Di samping itu, sebagai seorang intelektual Islam, tenaga beliau turut digembelingkan untuk memajukan masyarakat di Kelantan

<sup>59</sup> Wawancara dengan Datin Azizah pada 14 Januari 2002.

<sup>60</sup> Lotfi Ismail, *Op.Cit*; h. 57, lihat juga Norhisyam Mustafa *Op.Cit*

<sup>61</sup> *Ibid*

khususnya dan Malaysia umumnya. Beliau seringkali dijemput untuk menganggotai organisasi tertentu sama ada di peringkat negeri atau kebangsaan<sup>62</sup>

#### A. Menubuhkan Pustaka Dian

Sememangnya nama Dato' Yusoff Zaky tidak dapat dipisahkan daripada Pustaka Dian. Pustaka Dian yang ditubuhkan pada 2 Mac 1957, merupakan nadi beliau untuk bergiat aktif dalam bidang penulisan. Pustaka Dianlah yang menerbitkan hampir kesemua buku dan majalah beliau. Dato' Yuoff Zaky memilih nama 'Dian' kerana ia melambangkan suatu cahaya yang sabar dan tenang serta melambangkan pengorbanan diri bagi faedah dan kebaikan orang ramai.<sup>63</sup>

Dato' Yusoff Zaky mendapat inisiatif untuk menubuhkan Pustaka Dian berikutan kejayaan pertamanya apabila buku karangan beliau iaitu *Psikologi Remaja* mendapat sambutan hangat di pasaran. Berbekalkan modal RM 5000 yang disumbang dan dipinjam daripada saudara-mara, beliau membeli sebuah mesin cetak *second hand* daripada seorang pengusaha percetakan di Kota Bharu. Pada mulanya percetakan ini memulakan operasi di bawah rumahnya yang terletak di Jalan Gajah Mati dan mempunyai seorang pekerja sahaja iaitu Encik Othman Abdullah. Pustaka Dian menjalankan operasi di sini selama lima tahun.<sup>64</sup>

---

<sup>62</sup> Sila rujuk lampiran C

<sup>63</sup> *Ibid*, h. 59

<sup>64</sup> Razin M.S, 'Dian Membuktikan Kemampuan Bumiputra di bidang Perindustrian' dalam Sinar Kelantan, j. 5, Oktober 1981, h. 8

Pada 24 Julai 1960, ianya berpindah ke sebuah bangunan yang lebih sesuai iaitu di sebuah gudang dua tingkat di Jalan Tengku Su berhampiran dengan pawagam Lido Kota Bharu. Pustaka Dian terus maju ke hadapan dengan menambah pekerja dan peralatan percetakan. Pada 30 April 1963, ianya berpindah ke bangunan batu yang disewa iaitu bangunan UMNO, Jalan Tengku Chik Kota Bharu. Kakitangan-kakitangan dan alat-alat percetakan juga kian bertambah. Akhir sekali ia berpindah pula ke bangunannya sendiri yang terletak di Lundang iaitu di kilometer 5, Jalan Sultan Yahya, Kota Bharu dan namanya terus ditukar kepada Dian Sdn. Bhd. Tempat percetakan lamanya di Jalan Tengku Chik dijadikan tempat jualan buat beberapa ketika.<sup>65</sup>

Pada 1 September 1981, Kerajaan Negeri Kelantan di bawah pimpinan Dato' Haji Mohammad Yacob telah mengambil langkah rasmi bagi mewujudkan usaha sama dengan Syarikat Dian Sdn Bhd., menerusi Yayasan Kelantan Darul Naim. Dengan itu, Syarikat Dian Sdn. Bhd. diberi nama baru iaitu Dian Darul Naim Sdn. Bhd. Kerjasama ini merupakan usahasama yang julung-julung kali dilakukan oleh kerajaan negeri dengan pihak swasta.

Dalam ucapan perasmianya pada 1 September 1981, Menteri Besar Dato' Mohammad Yacob menegaskan;

"Kerajaan Kelantan menerusi Yayasan Kelantan Darul Naim bersetuju untuk mewujudkan satu usahasama dengan Syarikat Dian Sdn. Bhd. Bagi mempertingkatkan lagi industri percetakan dan penerbitan di negara kita khususnya di negeri Kelantan ini. Usahasama ini adalah merupakan usaha yang julung-julung kali di lakukan oleh Yayasan

<sup>65</sup> Lotfi Ismail, *Op.Cit*, h. 60; Razin M.S, *Op.Cit*

Kelantan Darul Naim dengan sebuah syarikat swasta, yang saya harap akan berkembang dengan pesatnya dan memainkan peranan penting di bidang percetakan dan penerbitan, yang merupakan sektor tersendiri di sektor perindustrian.”<sup>66</sup>

Hasil daripada kemajuan yang dicapai dari semasa ke semasa oleh Dian Darul Naim, Membolehkannya membeli berbelas-belas buah mesin percetakan daripada pelbagai jenis, seperti mesin cetak, mesin potong, mesin kancing, mesin taip dan sebagainya. Pekerjanya pula semakin bertambah dari semasa ke semasa.

Sejak penubuhannya sehingga sekarang, Dian Darul Naim telah menerbitkan beratus-ratus buah buku di dalam pelbagai bidang termasuklah buku persekolahan, buku-buku bacaan umum seperti bidang psikologi, pendidikan, politik, kebudayaan, agama dan lain-lain. Sebahagian daripada buku-buku tersebut adalah tulisan Dato' Yusoff Zaky sendiri.

### **3.5 KEISTIMEWAAN DATO' YUSOFF ZAKY**

Berdasarkan penelitian terhadap biografi Dato' Yusoff Zaky, penulis mendapati beberapa keistimewaan yang terdapat pada beliau. Keistimewaan-keistimewaan tersebut ialah:

---

<sup>66</sup> *Ibid.*

### **3.5.1 Ketinggian Ilmu Pengetahuan**

Dato' Yusoff Zaky sememangnya seorang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi. Semenjak kecil beliau tekun menimba ilmu pengetahuan daripada tokoh-tokoh ulama pada zamannya. Di samping itu, beliau juga dikenali sebagai seorang yang kuat membaca dan dapat menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Disebabkan beliau sudah menguasai ilmu-ilmu agama dengan baik sejak berada di tanah air, beliau memilih untuk menyambung pengajian di American Cairo University dan bukannya di Universiti al-Azhar.<sup>67</sup>

Sistem pengajian yang dilalui oleh beliau iaitu sistem tradisional dan moden menyebabkan beliau dapat menguasai ilmu-ilmu yang terkandung dalam kitab-kitab tua (kitab pondok), kitab-kitab Arab moden, atau ilmu-ilmu semasa terutamanya dalam bidang psikologi, pendidikan dan lain-lain.<sup>68</sup>

### **3.5.2 Ulama Yang Produktif**

Dato' Yusoff Zaky merupakan satu-satunya ulama di Malaysia yang terlibat secara aktif dalam bidang penulisan, penerbitan dan percetakan secara sekaligus. Beliau tidak pernah memikirkan untuk bekerja dengan kerajaan sebaliknya lebih suka untuk berdikari. Medium penulisan digunakan sebaik mungkin olehnya bagi menyalurkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat.

---

<sup>67</sup> Wawancara dengan Encik Hussain Yaakub pada 5 Januari 2002.

<sup>68</sup> *Ibid*

### **3.5.3 Gaya Penulisan Tersendiri**

Sebagai seorang penulis, Dato' Yusoff Zaky mempunyai gaya dan pola penulisan tersendiri yang begitu unik dan menarik. Beliau mempunyai bakat dan keupayaan menyusun ayat-ayat yang panjang tetapi menarik dan seronok apabila dibaca. Beliau memang cekap memilih kata-kata dan ungkapan-ungkapan yang tepat lagi betenaga di samping mampu mengawal struktur dan pola-pola ayat sehingga sukar dicari kecacatan atau kejanggalan dari segi tata bahasanya.<sup>69</sup>

### **3.5.4 Tidak Mementingkan Harta Dan Pangkat**

Dato' Yusoff Zaky adalah seorang yang tidak mementingkan harta dan pangkat. Beliau sebenarnya berpeluang untuk hidup senang dan mempunyai jawatan tinggi, tetapi beliau lebih suka memilih jalan hidupnya sendiri. Sifat beliau yang tidak mementingkan harta dan pangkat ini jelas kelihatan apabila beliau tidak meninggalkan sebarang harta pusaka melainkan sebuah kereta buruk dan sebidang tanah.<sup>70</sup>

### **3.5.5 Merendah Diri Dan Menghormati Pandangan Orang Lain**

Di kalangan sahabat handai, Dato' Yusoff Zaky terkenal sebagai seorang yang suka merendah diri dan menghormati pandangan orang lain. Beliau akan mendengar segala

<sup>69</sup> Lotfi Ismail, *Op.Cit*

<sup>70</sup> Wawancara dengan Encik Nasir Zihni pada 23 April 2001.

pendapat orang lain dengan penuh minat. Beliau juga bersifat terbuka dan menerima maklumat daripada semua pihak.<sup>71</sup>

### **3.5.6 Berpendirian Tegas**

Dato' Yusoff Zaky dikenali sebagai seorang yang berpendirian tegas. Ini terbukti apabila beliau menolak tawaran pekerjaan yang diberikan kepadanya semata-mata kerana ingin menumpukan perhatian kepada bidang penulisan. Selain itu, sebagai anak jati Kelantan, beliau mahu supaya terjemahan *Fī Zilāl Al-Qur'ān* diterbitkan di negeri tumpah darahnya sendiri. Walaupun mendapat tawaran dari penerbit-penerbit di luar Kelantan, namun Dato' Yusoff Zaky tegas dengan pendiriannya. Hajat beliau akhirnya tercapai apabila beberapa pihak seperti Pustaka Aman Press dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YAPIEM) bersedia membantu beliau untuk menerbitkan terjemahan tafsir ini.<sup>72</sup>

## **3.6 CITA-CITA YANG TIDAK TERTUNAI**

Ketika menjadi ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (SPN), Dato' Yusoff Zaky diberi tanggung jawab sebagai salah seorang penemuduga bagi pengambilan kaki tangan baru. Semasa di sana, beliau melihat beberapa kelemahan yang ada dalam dua sistem pengajian iaitu pengajian tradisional (pondok) dan pengajian moden. Pelajar-pelajar aliran tradisional kebiasaannya dapat menguasai ilmu yang terdapat dalam

<sup>71</sup> Wawancara dengan Encik Hussain Yaakub pada 5 Januari 2002.

<sup>72</sup> Wawancara dengan Dato' Haji Mohd Shukri bin Mohamad di pejabat Mufti Kelantan Kota Bharu, 14 Januari 2002. (selepas ini Wawancara dengan Dato' Haji Mohd Shukri pada 14 Januari 2002).

kitab tua dengan baik. Tetapi kebanyakan mereka tidak dapat menguasai ilmu-ilmu yang terdapat dalam kitab moden. Manakala pelajar-pelajar pengajian moden, kebanyakan mereka dapat menguasai ilmu yang terdapat dalam kitab moden dengan baik tetapi tidak dapat menguasai dan memahami kandungan kitab-kitab tua.<sup>73</sup>

Lantaran kelemahan itu, beliau bercadang ingin menubuhkan sebuah institusi pengajian yang bertaraf Diploma yang menggabungkan kedua-dua sistem pengajian ini (tradisional dan moden) agar pelajar-pelajar yang dihasilkan lebih mantap dari segi intelektualnya. Namun, disebabkan kesibukan dalam bidang penulisan, beliau tidak dapat meneruskan cita-cita tersebut.<sup>74</sup> Walau bagaimanapun, penulis berpendapat cita-cita beliau sudahpun tertunai dengan terdirinya beberapa institusi pengajian yang ada sekarang seperti pondok moden dan beberapa institusi lain.

### **3.7 KEMATIAN**

Pada akhir bulan Sya'ban tahun 1419H bersamaan dengan bulan Disember tahun 1998, penyakit jantung dan buah pinggang yang dideritai oleh Dato' Yusoff Zaky semenjak sekian lama semakin serius. Keadaan ini menyebabkan beliau terpaksa dimasukkan ke hospital pada awal bulan Ramadhan tahun 1419H bersamaan dengan bulan Disember 1998. Akhirnya setelah hampir sebulan berada di hospital, maka pada

---

<sup>73</sup> Wawancara dengan Encik Hussain Yaakub pada 5 Januari 2002.

<sup>74</sup> *Ibid*

pada jam 4.30 pagi, 19 Januari 1999 bersamaan 1 Syawal 1419H, beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir.<sup>75</sup>

Jenazah Allahyarham Dato' Yusoff Zaky telah dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Banggol yang terletak tidak jauh dari rumahnya. Beliau telah meninggalkan seorang isteri Datin Azizah bt. Yusoff, tiga orang anak dan sedikit harta peninggalan. Namun apa yang lebih penting ialah amal jariah yang telah disumbangkan oleh beliau terutamanya dalam bentuk penulisan dan penterjemahan.<sup>76</sup>

### **3.8 SUMBANGAN DATO' YUSOFF ZAKY**

Perbincangan tentang sumbangan Dato' Yusoff Zaky adalah dengan melihat kepada beberapa aspek tertentu terutamanya dalam bidang penulisan dan kemasyarakatan.

#### **3.8.1 Bidang Penulisan**

Penulisan merupakan bidang utama yang diceburi oleh Dato' Yusoff Zaky. Penglibatan beliau dalam bidang ini bermula semenjak beliau berada di bangku sekolah lagi. Dalam usia sepuluh tahun, beliau sudahpun menulis beberapa buah artikel dan puisi untuk beberapa majalah ketika itu. Dalam usia 16 tahun, beliau telah

---

<sup>75</sup> 'Dato' Yusoff Zaky Yacob: Perginya seorang ulama terkenal' *Majalah Perempuan*, April 1999; lihat juga 'Dato' Yusoff Zaky dalam Kenangan' *Majalah Pengasuh* bil 557, Zulkaedah/Zulhijjah 1919H, hal. 52

<sup>76</sup> *Ibid*

menghasilkan sebuah buku yang bertajuk ‘*Membela Demokrasi*’ dan semasa menuntut di Mesir, beliau masih menulis dan menterjemah buku.

Beliau melibatkan diri secara sepenuh masa dalam bidang penulisan setelah kembali ke Malaysia pada tahun 1955. Sepanjang penglibatan dalam bidang ini, beliau telah menghasilkan pelbagai bentuk penulisan seperti buku, majalah, artikel, terjemahan dan puisi. Sebahagian besar tulisan beliau telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat. Di antara bidang ilmu yang diberi perhatian oleh beliau ialah:

#### **A. Ilmu Psikologi**

Sepanjang penglibatan dalam bidang penulisan, Dato’ Yusoff Zaky banyak menulis tentang ilmu psikologi. Beliau dianggap orang Melayu pertama yang menulis dalam ilmu ini dengan menjadikan Al-Quran dan Al-Sunnah sebagai asas perbincangan.<sup>77</sup> Kepakaran Dato’ Yusoff Zaky dalam ilmu psikologi memang diakui memandangkan beliau mengikuti pengajian di peringkat ijazahnya dalam bidang Psikologi dan Pendidikan ketika menuntut di American Cairo University.

Antara buku-buku psikologi yang ditulis oleh beliau ialah, *Saikologi Remaja, Ilmu Jiwa, 1001 Masalah Jiwa Manusia, Saikologi Takut, Psikologi Kanak-kanak, Mencari Kejernihan Jiwa, Rahsia Kebahagiaan, Manusia yang Sempurna* dan

---

<sup>77</sup> Wawancara dengan Encik Irfan Zaky pada 14 Januari 2002.

*Memahami Jiwa Manusia menurut Perspektif Islam.* Hampir kesemua buku tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pembaca di seluruh negara.

## B. Ilmu Tafsir

Walaupun Dato' Yusoff Zaky bukan seorang *mufassir* (pentafsir) Al-Quran, namun sumbangan beliau kepada ilmu tafsir tidak boleh dinafikan. Kegigihan beliau menyaring dan menterjemah *Fi Zilāl Al-Qur'ān* merupakan suatu usaha yang begitu bermilai kepada masyarakat Malaysia, khususnya kepada mereka yang begitu mahamengerti bahasa Arab. Dengan adanya terjemahan ini membolehkan orang ramai memahami Al-Quran dan seterusnya mengamalkannya dalam kehidupan mereka.

Seperti yang dinyatakan oleh Dato' Yusoff Zaky sendiri dalam Kata-kata Pengantar Terjemahan *Fi Zilāl Al-Qur'ān*, cita-cita untuk menterjemahkan tafsir ini sebenarnya telah tertunas sejak tahun 1952, iaitu semasa beliau masih belajar di Kaherah. Akan tetapi cita-cita tersebut terus terpendam sehingga dapat dimulakan pada tahun 1983.<sup>78</sup> Sebelum beliau menterjemahkan *Fi Zilāl Al-Qur'ān* ke dalam bahasa Malaysia, beliau pernah menterjemah Tafsir tersebut dalam bentuk saringan ringkas.<sup>79</sup> Penulisan beliau itu diterbitkan dalam Majalah Pengasuh bilangan 403 hingga 469 (Februari 1975 - Mac 1983). (lihat lampiran D).

<sup>78</sup> Sayyid Qutb (2000), *Fi Zilāl al-Qur'ān*, j.1, terj. Yusoff Zaky Yacob, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, h. xvii

<sup>79</sup> Wawancara dengan Encik Nasir Zihni pada 23 April 2001.

Sepanjang penterjemahan tersebut, beliau telah menerbitkan terjemahan dalam juz-juz kecil. Terbitan tersebut adalah, juzuk ‘Amma, juzu’ Qad Sami’ā Allah, juzu’ Tabarak, Surah al-Aḥqāf, Surah al-Dhāriyat – al-Hadid dan sebahagian daripada Surah al-Baqarah (sila rujuk lampiran B).

Selain daripada menterjemah *Fi Ḥilāl Al-Qur’ān*, Dato’ Yusoff Zaky juga pernah terlibat sebagai penyemak kepada *Kitab Khulasah al-Qur’ān* oleh Haji Wan Ismail Wang Nawang. Kitab ini merupakan susunan semula catatan kuliah yang dipelajari oleh Haji Wan Ismail Wan Nawang daripada Maulana Haji Abdullah Noh *Pasir Puteh yang diambil daripada Maulana Ahmad Ali Amer Anjum Khadimuddin, Lahor mengikut cara ajaran Imam Syah Waliyu Allah al-Dahlawi*.<sup>80</sup>

### C. Bidang-bidang Ilmu Lain

Selain daripada dua bidang di atas, Dato’ Yusoff Zaky juga turut memberi perhatian kepada bidang-bidang lain seperti Akidah, Fekah dan Perundangan, Tasawuf, Bahasa Arab dan Buku-buku Umum. (sila rujuk buku-bukunya dalam lampiran B)<sup>81</sup>

<sup>80</sup> Wan Ismail Wan Nawang, *Khulasah Al-Qur’ān*, Kelantan: Institut al-Balaghulmubin Sultan Haji Omar Ali Saifuddin, h. ix.

<sup>81</sup> Untuk mengetahui buku-buku penulisan beliau, sila rujuk lampiran B.

### **3.8.2 Penerbitan Majalah**

Sepanjang penglibatan dalam bidang penulisan, Dato' Yusoff Zaky telah mengetuai penerbitan beberapa majalah terkenal. Antaranya ialah Majalah Pengasuh, Majalah Dian, Majalah Santajiwa dan Akhbar Mingguan Kota Bharu.

#### **A. Majalah Pengasuh**

Majalah Pengasuh merupakan majalah yang paling tua usianya dan masih kekal penerbitannya sehingga sekarang. Majalah ini mula diterbitkan pada 1 Syawal 1336H bersamaan 11 Julai 1918M. Sepanjang usianya, Majalah Pengasuh telah beberapa kali tergendala penerbitannya. Paling akhir penerbitannya tergendala pada tahun 1971 dan disambung semula pada tahun 1974.

Penerbitan semula Majalah Pengasuh pada tahun 1974, memperlihatkan ketokohan Dato' Yusoff Zaky sebagai Ketua Pengarang. Beliau dan sidang Pengarang Majalah Pengasuh telah memperbaiki isi kandungannya. Majalah ini tidak lagi menyiarakan karya-karya kreatif kecuali beberapa buah sajak untuk setiap keluaran. Malah kandungan majalah ini lebih bersifat ilmiah mengenai Islam.<sup>82</sup>

Bilangan mereka yang menyumbangkan tulisan dalam majalah ini juga bertambah. Antara mereka ialah Abdullah Yusoff, Mohd Zin Saleh, Ismail Awang,

---

<sup>82</sup> Nik Safiah Karim & Wan Abdul Kadir Yusuf (pnyt.) (1985), *Kelantan Dalam Perspektif Sosiosejarah. Satu Kumpulan Esei*, Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, h: 28.

Mohd Kamil Abdul Majid, M. Nasir, Mohd Labib Ahmad, Haji Ismail Yusoff, Abdul Kadir Bakti, Haji Hassan Lotfi, Fauzi Haji Awang, Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Mahmud Daud, Zainawati, M. Mohd Zain, Drs. Abdul Halim Haji Mat Diah, Tuan Guru Haji Mokhtar Haji Ahmad dan ramai lagi terutama lulusan dari al-Azhar, Iraq, Akademi Islam Universiti Malaya dan Kolej Islam Malaya.<sup>83</sup>

Sebagai Ketua Pengarang, Dato' Yusoff Zaky turut sama menyumbangkan tulisannya. Beliau mempunyai satu kolumn yang bertajuk 'Di bawah Gema Al-Quran'. Seperti yang dinyatakan di atas, tulisannya ini merupakan saringan terhadap kitab *Fi Zilāl Al-Qur'an*. Selain itu, beliau juga menyumbangkan artikel-artikel terjemahan dan saringan kitab terutama kitab *Ma'alim Fi al-Tariq*, *Ihya 'Ulumuddin* dan lain-lain. Disebabkan masalah kesihatan, Dato' Yusoff Zaky meletak jawatan sebagai Ketua Pengarang majalah ini pada tahun 1996 setelah lebih 20 tahun memimpinnya.

## B. Majalah Dian

Majalah Dian merupakan majalah bahasa Malaysia pertama di Semenanjung Malaysia yang diterbitkan dalam bentuk *digest*. Ianya dikatakan menjadi sumber utama untuk pembaca Melayu mendapatkan ilmu dan maklumat<sup>84</sup>. Majalah ini mula diterbitkan pada 21 Jun 1961 dalam edisi Jawi dengan cetakan pertama sebanyak 3000 naskhah. Jumlah itu kemudiannya terus meningkat dari semasa ke semasa. Pada 7 September 1964, Majalah Dian diterbitkan pula dalam edisi rumi yang dikeluarkan

<sup>83</sup> *Ibid*

<sup>84</sup> Norhisyam Mustafa, *Op.Cit*

serentak dengan edisi Jawi. Tetapi kemudiannya edisi Jawi dihentikan penerbitannya meninggalkan edisi Rumi sahaja beredar di pasaran.<sup>85</sup>

Semenjak penerbitannya, Dato' Yusoff Zaky bertanggung jawab sepenuhnya terhadap Majalah Dian. Dia bukan sahaja menjadi Ketua Pengarang, malah beliau sendiri yang memilih cerpen yang akan disiarkan. Sebelum itu, beliau terlebih dahulu membaca seberapa banyak cerpen luar negara sebelum diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia. Selain daripada karya sastera, Majalah Dian juga memuatkan artikel psikologi, makalah politik antarabangsa dan sebagainya yang sebahagian besar di sadur daripada majalah Arab.<sup>86</sup>

Majalah Dian dapat bertahan di pasaran selama lebih dari dua dekad. Disebabkan kedudukannya di Pantai Timur, ia sukar untuk tiba setiap awal bulan di Pantai Barat terutama pada musim banjir. Apabila lewat tiba ke destinasi (15 hari bulan setiap bulan), pembaca semakin berkurangan. Lama-kelamaan pembaca lari kepada bahan bacaan lain yang semakin bercambah di pasaran. Selain itu, kejatuhan Majalah Dian juga berpunca daripada pelbagai halangan lain termasuklah kertas, dakwat dan bahan-bahan lain yang semuanya bergantung kepada peniaga di Kuala Lumpur dan kerap kali bekalannya lambat sampai malah ada ketikanya tidak ada langsung.<sup>87</sup>

---

<sup>85</sup> Razin MS, *Op.Cit*

<sup>86</sup> Norhisyam Mustafa, *Op.Cit*

<sup>87</sup> Tajuddin Saman, *Op.Cit*

### C. Majalah Santajiwa

Majalah Santajiwa yang disingkatkan daripada kata-kata ‘Santapan Jiwa’ mula diterbitkan pada 1 Februari 1973 sehingga 15 Ogos 1977 dengan 34 keluaran semuanya. Majalah ini diterbitkan dalam tulisan rumi, dan secara umumnya ia hampir menyamai isi kandungan Majalah Dian<sup>88</sup>

### D. Mingguan Kota Bharu

Akhbar Mingguan Kota Bharu merupakan akhbar mingguan pertama yang diterbitkan di Pantai Timur selepas Perang Dunia Kedua. Ianya mula diterbitkan pada bulan Mei 1966. Kandungannya meliputi hal ehwal politik, kemasyarakatan, kebudayaan, agama dan sejarah. Penerbitannya terhenti pada tahun 1970 akibat daripada masalah kewangan.<sup>89</sup>

#### 3.8.3 SUMBANGAN-SUMBANGAN LAIN

Seperti yang telah dijelaskan, bidang penulisan merupakan bidang utama yang diceburi oleh Dato' Yusoff Zaky. Walau bagaimanapun secara tidak langsung, beliau turut memberikan sumbangan kepada beberapa bidang lain. Bidang-bidang tersebut ialah:

---

<sup>88</sup> Razin MS, *Op.Cit.*

<sup>89</sup> *Ibid*

### A. Bidang Bahasa

Dalam bidang bahasa, Dato' Yusoff Zaky selalu ingin melihat bahasa Malaysia berkembang dengan positif. Beliau mencipta beberapa perkataan Melayu (akronim) yang kedengarannya sangat indah, antara lain ialah perkatan ‘tupuan’ untuk ‘tuan-tuan dan puan-puan’, ‘santaijiwa’ untuk ‘santapan jiwa’, ‘saikologi’ (psikologi) untuk ‘ilmu jiwa’ dan sejumlah kata lain yang semuanya dipopularkan melalui Majalah Dian.<sup>90</sup>

### B. Tulisan Jawi

Pemerhatian penulis terhadap tulisan-tulisan Dato' Yusoff Zaky terutama tulisan-tulisan beliau sebelum tahun 1970-an, penulis mendapati kebanyakannya ditulis dalam tulisan Jawi. Walaupun tulisan rumi sudah boleh digunakan pada waktu itu, malah lebih senang untuk proses percetakan, namun beliau cuba mempertahankan tulisan jawi. Walau bagaimanapun, beliau terpaksa akur dengan kehendak zaman apabila tulisan rumi digunakan dengan meluas dan memaksa beliau turut menggunakan tulisan rumi dalam Majalah Dian keluaran Septembar 1964.

Selain itu, Dato' Yusoff Zaky juga memperkenalkan sistem ejaan jawi tersendiri yang dikenali sebagai ‘Sistem Ejaan Jawi Dian’. Sistem ini kelihatan praktikal walaupun pada peringkat awal, ada segelintir yang meremehkannya. ‘Sistem Ejaan Jawi Dian’ ini kemudiannya dikemaskinikan dan dijadikan asas oleh Dewan

---

<sup>90</sup> Norhisyam Mustafa, *Op.Cit*

Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan bagi memperkenalkan sistem ejaan jawi baru.<sup>91</sup>

### C. Bidang Sejarah

Dalam bidang sejarah, Dato' Yusoff Zaky memberi perhatian khusus melalui beberapa majalah yang dipimpinnya. Majalah Pengasuh misalnya, menerbitkan rencana-rencana sejarah seperti biografi tokoh-tokoh ulama Kelantan dan sejarah tempat-tempat tertentu. Beliau sendiri juga pernah menulis biografi seorang ulama terkenal iaitu Tok Kenali yang diterbitkan dalam Majalah Pengasuh bilangan 403, edisi Februari 1975.

Ketika masyarakat heboh membincangkan peristiwa Mat Kilau dan beberapa sahabatnya yang dikatakan masih hidup seperti Mat Kelantan pada awal 1970-an, Dato' Yusoff Zaky melalui Akhbar Mingguan Kota Bharu, mengambil daya usaha untuk mengesan Mat Kelantan. Beliau dan rombongannya menjelak Mat Kelantan ke merata-rata tempat. Pernah suatu ketika beliau terjatuh ke dalam sebuah perigi sekitar kampung Kangkung Pasir Mas, menyebabkan tangannya patah. Akibat daripada peristiwa itu, Dato' Yusoff Zaky tidak dapat mengikuti rombongan membawa dan menemukan Mat Kilau dengan Mat Kelantan. Dalam pertemuan itu, kedua-dua pahlawan Melayu yang terkenal itu saling sah mengesahkan diantara satu sama lain. Berita Mat Kelantan sahkan Mat Kilau menjadi tajuk utama Mingguan Kota Bharu.<sup>92</sup>

---

<sup>91</sup> *Ibid*

<sup>92</sup> *Ibid*

#### **D. Bidang Sastera**

Di dalam bidang sastera, Dato Yusoff Zaky telah menghasilkan banyak karya sastera termasuklah sajak, cerpen (terjemahan) novel dan drama. Selain itu beliau turut menyumbangkan beberapa kertas kerja untuk Seminar atau Simposium Sastera. Antaranya beliau pernah membentangkan sebuah kertas kerja yang paling menarik di Simposium Sastera Dan Agama anjuran Persatuan Penulis Terengganu dengan kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu sekitar tahun 1970-an. Cetusan idea ‘Kesusasteraan Islam’ Dato’ Yusoff Zaky ditanggapi dengan penuh minat dan dikira paling berkesan. Idea ini dianggap sebagai gagasan murni dan diterima sebagai asas penulisan kesusteraan Islam hingga ke hari ini di kalangan sebilangan sasterawan tanah air.<sup>93</sup>

#### **E. Bidang Pendidikan**

Dalam bidang pendidikan, Dato’ Yusoff Zaky dilihat sebagai seorang tokoh yang penting dalam usaha kerajaan Negeri Kelantan mempertingkatkan pendidikan Islam di Kelantan. Ketika kerajaan Negeri menubuhkan Yayasan Pelajaran Islam Negeri Kelantan (YPINK)<sup>94</sup>, Dato’ Yusoff Zaky turut dijemput untuk menganggotai Lembaga Yayasan Pelajaran Islam Kelantan. Pada masa yang sama, beliau turut

<sup>93</sup> *Ibid*

<sup>94</sup> YPINK adalah rentetan daripada penubuhan Jabatan Sekolah Agama (JASA). YPINK kemudiannya bertukar kepada YIK yang bertanggungjawap mentadbir sekolah-sekolah agama di Kelantan. Lihat Laporan Yayasan Pelajaran Islam Negeri Kelantan (YPINK) tahun 1979, h.6.

diberi amanah sebagai pengurus Lembaga Pengajian Yayasan Pelajaran Islam Negeri Kelantan.<sup>95</sup>

#### **F. Aktivi Kemasyarakatan**

Walaupun sibuk dengan tugas-tugas dalam bidang penulisan, namun Dato' Yusoff Zaky masih sempat untuk melibatkan diri dalam bidang kemasyarakatan dan agama yang diadakan dari semasa ke semasa oleh badan-badan agama, kebajikan dan sosial sama ada di peringkat negeri Kelantan ataupun Malaysia. (sila rujuk lampiran C).

#### **3.9 MENYEBARKAN USAHA DAKWAH**

Selain menjadikan bidang penulisan sebagai medium dakwah, Dato' Yusoff Zaky turut gigih memberikan pengajaran dan kuliah agama di merata tempat. Beliau sering kali dijemput untuk memberikan kuliah di beberapa buah masjid di Jajahan Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Pasir Putih dan Tanah Merah. Antara kuliah yang disampaikan oleh beliau ialah kuliah Tafsir, Fekah, Aqidah, Hadith dan lain-lain. Beliau juga telah diberi kepercayaan oleh pihak Istana sebagai guru di Istana Kelantan bagi menggantikan Ustaz Muhammad Che Wok yang meninggal dunia pada tahun 1987.<sup>96</sup>

---

<sup>95</sup> *Ibid*

<sup>96</sup> Wawancara dengan Datin Azizah pada 14 Januari 2002; Wawancara dengan Dato' Haji Mohd Shukri pada 14 Januari 2002.

### 3.10 ANUGERAH

Sebagai seorang yang mempunyai sifat tawaduk, Dato' Yusoff Zaky sebenarnya tidak mengharapkan sebarang pengiktirafan daripada setiap usaha yang dilakukannya. Walau bagaimanapun, untuk mengenang jasanya yang tidak termilai kepada agama dan negara serta sumbangan besar beliau kepada bidang penulisan, maka beliau telah diberikan beberapa anugerah.

Dalam tahun 1980-an, beliau dianugerahkan Darjah Paduka Mahkota oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan iaitu Sultan Ismail Petra. Pada awal tahun 1990-an, Baginda Sultan Kelantan sekali lagi berkenan memberikan anugerah Dato' Seri Setia Raja yang membawa gelaran Dato'.<sup>97</sup> Pada tahun 1982, beliau dianugerahkan Ijazah Sarjana Kehormat Persuratan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pada tahun 1992, Kerajaan Negeri Kelantan di bawah pimpinan Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat telah mengisytiharkan beliau sebagai Tokoh Buku Kelantan.<sup>98</sup> Manakala pada tahun 1998 beliau diisytiharkan sebagai Tokoh Maal Hijrah peringkat Negeri Kelantan 1419H.<sup>99</sup>

### 3.11 PENINGGALAN

Sebagai seorang yang berjiwa besar, Dato' Yusoff Zaky tidak meninggalkan harta yang banyak kepada sesiapapun termasuklah kepada ahli keluarganya sendiri. Tetapi

<sup>97</sup> Wawancara dengan Encik Irfan Zaky pada 14 Januari 2002.

<sup>98</sup> Wawancara dengan Datin Azizah pada 14 Januari 2002; lihat juga *Utusan Malaysia*, 5 Ogos 1992.

<sup>99</sup> Wawancara dengan Datin Azizah pada 14 Januari 2002

Dato' Yusoff Zaky meninggalkan pelbagai bentuk penulisan. Peninggalan terbesar beliau kepada masyarakat Islam di Malaysia ialah terjemahan *Fī Zilāl Al-Qur'ān* yang telah diusahakan selama sebelas tahun.

### **3.11.1 Warisan Buku-Buku**

Dato' Yusoff Zaky meninggalkan satu koleksi buku yang banyak dan cukup bernilai. Koleksi ini dihadiahkan kepada Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC) pada awal tahun 2000 dan ianya masih dalam proses pengkatalogkan. Secara umumnya koleksi ini cukup berharga memandangkan ianya adalah koleksi pribadi dua generasi iaitu koleksi ayahnya Allahyarham Tuan Guru Haji Yacob Gajah Mati dan koleksi beliau sendiri. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa koleksi ayahandanya itu menggambarkan suatu koleksi ulama-ulama traditional yang mantap, manakala koleksi Dato' Yusoff Zaky pula mewakili golongan ilmuwan generasi baru yang lebih terbuka dan menerima kepelbagaiannya.<sup>100</sup>

## **3.12 KESIMPULAN**

Sememangnya Allahyarham Dato' Yusoff Zaky Yacob merupakan salah seorang ulama dan cendekiawan Islam terkemuka di Malaysia. Pendidikan dwi-aliran (tradisional dan moden ) yang diterima oleh beliau membolehkannya menguasai dengan baik ilmu agama dan ilmu-ilmu lain khususnya ilmu pendidikan dan

---

<sup>100</sup> Untuk lebih lanjut lihat: Che Razi Jusoh (2000), Selayang Pandang Koleksi Peribadi Yusoff Zaky Yacob dalam Koleksi Khas Perpustakaan ISTAC, *Al-Hikmah*, bil. 3, h. 47.

psikologi. Kemantapan intelektual ini diadun dengan baik oleh beliau bagi memberikan sumbangan kepada masyarakat sama ada dalam bentuk penulisan, syarahan atau buah fikiran. Walau bagaimanapun, sumbangan terbesar beliau sebagai buah tangan kekal ialah dalam bentuk penulisan sama ada penulisan buku, majalah, terjemahan, artikel, puisi dan sebagainya.

Penglibatan Dato' Yusoff Zaky dalam bidang penulisan ini, memberi sumbangan besar khususnya kepada perkembangan Islam dan intelektual masyarakat di negara ini. Ia sedikit sebanyak menampung keperluan masyarakat terutamanya bahan-bahan bacaan. Antara sumbangan terbesar beliau ialah menterjemahkan *Fi Zilal Al-Qur'an* yang dikarang oleh Sayyid Quṭb. Sumbangan besar beliau ini tidak harus dilupakan begitu sahaja oleh masyarakat.